

TAMBAH BAIK AKTA 670



DR. MUZAFFAR SYAH MALLOW

AKTIVITI jenayah melibatkan pemerdagangan dan penyeludupan manusia bukanlah sesuatu yang baharu serta jarang didengar. Perkara itu adalah salah satu bentuk aktiviti jenayah tertua yang wujud di dunia. Aktiviti jenayah terbabit bukan hanya berlaku di negara tertentu, malah berlaku hampir kesemua negara dunia tanpa mengira sempadan antarabangsa.

Sebagai salah sebuah negara yang sedang pesat membangun, Malaysia juga menjadi tarikan pendatang asing untuk mencari rezeki serta mendapatkan perlindungan akibat masalah ekonomi serta konflik politik yang sedang dialami di negara asal mereka. Ramai juga di antara pendatang asing ini sanggup masuk ke dalam negara kita melalui cara tidak sah dan ada yang diperdayakan oleh sindiket-sindiket tertentu untuk 'membolosi' pintu sempadan negara.

Kedudukan Malaysia yang strategik di tengah-tengah rantau Asia Tenggara serta menjadi laluan penghubung antara India dan China serta di antara benua Asia dan Australia telah menjadikan negara kita sebagai salah sebuah destinasi utama pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk melakukan pelbagai kegiatan jenayah antarabangsa yang menyalahi undang-undang termasuklah aktiviti pemerdagangan dan penyeludupan manusia.

Malaysia telah mengharamkan sama sekali sebarang bentuk aktiviti yang melibatkan pemerdagangan dan penyeludupan manusia melalui Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670).

Jika dirujuk melalui Seksyen 2 Akta 670 terbabit, pemerdagangan orang ertinya segala perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengkalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan, termasuklah perbuatan merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang.

Seksyen terbabit juga memperuntukkan maksud penyeludupan migran yang meliputi aktiviti mengatur, memudahkan atau merancang, secara langsung atau tidak langsung, memasukkan seseorang secara tidak sah



SEBAHAGIAN pendatang asing tanpa izin (PATI) warga Bangladesh dan Myanmar yang ditahan di Langkawi tiba di Jeti Kuala Kedah untuk dihantar ke depot tahanan Jabatan Imigresen Belantik. Sik secara berperingkat-peringkat mulai 12 Mei lalu. - UTUSAN/SAFRIZAL AZMI

ke dalam atau melalui, atau pengeluaran seseorang secara tidak sah dari mana-mana negara yang orang itu bukan warganegara atau pemastautin tetap sama ada dengan mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa memasuki atau pengeluaran orang itu adalah tidak sah dan merekrut, mengangkut, memindahkan, menyembunyikan, melindungi atau menyediakan apa-apa bantuan atau perkhidmatan bagi tujuan melaksanakan perbuatan yang disebut di atas.

Akta 670 terbabit juga mengenakan hukuman yang berat bagi pesalah-pesalah yang melanggar peruntukan ditetapkan. Segala bentuk hukuman berat yang dikenakan ini jelas menunjukkan komitmen pihak kerajaan untuk membanteras segala bentuk aktiviti jenayah melibatkan pemerdagangan dan penyeludupan manusia di dalam negara kita. Walaupun negara kita sudah mempunyai undang-undang jelas mengenai perkara terbabit, namun masih terdapat lagi isu-isu berkaitan dengan aktiviti jenayah yang melibatkan pemerdagangan dan penyeludupan manusia di dalam negara kita. Baru-baru ini, seluruh negara telah digemparkan dengan penemuan tapak kubur besar serta beberapa buah khemah di Padang Besar, Perlis dipercayai tapak kubur serta tempat persembunyian warga asing yang ingin diseludup ke dalam negara kita.

Walaupun perkara terbabit masih di dalam siasatan pihak berkuasa Malaysia serta dibantu oleh pihak berkuasa Thailand, pelbagai persoalan mula timbul terutamanya mengenai aspek keberkesanan penguatkuasaan undang-undang sedia ada bagi membendung isu yang melibatkan aktiviti pemerdagangan dan penyeludupan manusia.

Oleh yang demikian, sudah sampai masanya pihak kerajaan menilai dan mengemas kini semula segala peruntukan undang-undang sedia ada bagi membendung isu terbabit sebelum perkara itu menjadi serius serta di luar kawalan.

Pada masa ini, Akta 670 melalui Seksyen 27 hanya memberi kuasa kepada beberapa pihak penguat kuasa untuk menguatkuasakan akta terbabit seperti polis, pegawai imigresen, pegawai kastam, pegawai penguat kuasa maritim, dan pegawai tenaga kerja.

Memandangkan isu yang melibatkan aktiviti pemerdagangan dan penyeludupan manusia ini banyak berlaku di kawasan sempadan negara meliputi hutan belantara yang luas di sempadan Malaysia-Thailand dan Malaysia-Kalimantan (Indonesia), pihak kerajaan boleh mempertimbangkan untuk meluaskan skop penguatkuasaan kepada pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Dengan memiliki segala bentuk kelengkapan perisikan ketenteraan yang lebih efisien serta pengalaman

yang luas terhadap bentuk muka bumi dan kawasan hutan di sempadan, pihak ATM juga boleh memainkan peranan penting bagi membendung aktiviti pemerdagangan dan penyeludupan manusia yang sedang berlaku di kawasan-kawasan sempadan darat dalam negara kita.

Selain agensi penguat kuasa, penduduk tempatan juga perlu menjadi mata dan telinga pihak penguat kuasa sedia ada serta berani dan segera melaporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan berlaku di sekeliling kawasan mereka kepada pihak berkuasa.

Kementerian Dalam Negeri juga boleh mewujudkan portal khas melalui laman web mereka bagi memudahkan penduduk tempatan melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan yang melibatkan aktiviti pemerdagangan dan penyeludupan manusia dalam negara kita.

Kerjasama semua pihak dalam negara kita adalah penting bagi membendung aktiviti jenayah pemerdagangan dan penyeludupan manusia. Melalui kerjasama erat semua pihak dalam negara kita, pihak-pihak tidak bertanggungjawab terutamanya sindiket yang terlibat dalam aktiviti jenayah pemerdagangan dan penyeludupan manusia akan dapat dibanteras dengan lebih berkesan.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah & Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).